

'Sana sini boikot siapa nak beli nanti?'

KUALA LUMPUR - Kempen boikot produk bukan Muslim dilihat tidak membawa manfaat malah tidak menguntungkan mana-mana pihak di Malaysia.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, sebagai negara berbilang kaum, semua rakyat perlu hidup saling melengkapi termasuk saling membantu dalam isu penjenamaan ekonomi sesama etnik.

"Malaysia sebuah negara berbilang kaum, budaya teras kepada kemakmuran negara ini adalah saling hormat dan mempercayai termasuk dalam perkara ketika kita menjalankan urusan ekonomi.

"Kalau sana sini boikot nanti siapa nak beli? Saya tengok jalan penyelesaian terbaik adalah ada kekuatan kita manfaatkan, ada kelebihan kita usaha baiki-bukan dengan boikot," katanya pada sidang akhbar selepas majlis penutup Karnival I-KeeP di sini semalam.

Kata beliau, sebagai rak-



Saifuddin (tengah) melihat minyak masak yang dijual murah di Karnival Jualan i-KeeP di Kuala Lumpur semalam.

yat Malaysia kita perlu saling memahami dan saling menyokong.

Katanya, setakat ini perkembangan isu boikot tidak memberi sebarang impak.

"Kita belum menerima maklum balas sama ada ia berjaya atau berkesan, saya masih berurusan dengan persatuan, pertubuhan dan pemborong dan peruncit.

"Ia macam biasa bahkan pertubuhan perniagaan ini dianggotai oleh pelbagai kaum, mereka tiada langsung bangkit kepada saya kesan boikot," katanya.

Sebelum itu, Kempen Membeli Produk Muslim anjuran Gerakan Pembela

Ummah (Ummah) dan Kooperasi Al-Hilal Berhad (Kohilal) bukan berniat untuk memboikot produk bukan Muslim di Malaysia.

Pengerusi Ummah, Aminuddin Yahya berkata, kempen tersebut selain bertujuan membantu meningkatkan pendapatan peniaga Islam, ia juga bertujuan memberi alternatif lain kepada masyarakat Islam.

Jelasnya, lambakan produk tidak halal dalam pasaran semakin membimbangkan dan Ummah berpendapat sudah tiba masanya kempen itu digerakkan bagi membendung masalah itu.